

## KEPIMPINAN DAN WALAK: MANIFESTASI DARIPADA SOLAT BERJEMAAH

Muhammad Afifuddin Suhaimi<sup>26</sup>  
Mohd Farhan Md Ariffin, PhD<sup>27</sup>  
Shafiza Safie, PhD<sup>28</sup>  
Muhammad Fahmi Abdul Hamid, PhD<sup>29</sup>

### Abstrak

Kajian ini membicarakan konsep kepimpinan dan walak serta hubungannya dengan solat berjemaah. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti bagaimana konsep kepimpinan dan walak dapat dimanifestasikan daripada solat berjemaah. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif, dengan bersumberkan sorotan karya daripada buku, artikel jurnal, dokumen dan sebagainya. Dalam kajian ini, manifestasi imam dan maknum dalam solat berjemaah boleh dilihat dari sudut kepimpinan dan walak.

**Kata kunci:** *kepimpinan, walak, solat berjemaah, manifestasi, hubungan.*

---

<sup>26</sup> Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>27</sup> Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>28</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan.

<sup>29</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka.

## Pendahuluan

Solat berjemaah merupakan suatu amalan yang sangat dituntut dalam agama. Di samping ganjaran pahala yang besar daripada Allah *Subhanahu wata 'ala*, amalan solat berjemaah juga mengandungi pelbagai hikmah yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan dunia. Namun pada hari ini, dilihat umat Islam hanya memandang sepi amalan solat berjemaah, lebih suka melaksanakan solat secara bersendirian, bahkan tidak kurang ada yang melaksanakannya tanpa mengetahui hikmah-hikmah berharga yang terkandung di dalamnya.

Signifikannya, terdapat banyak intipati kepimpinan dalam solat berjemaah yang boleh diperhatikan antara imam dan makmum terutamanya dalam aspek hubungan antara keduanya serta hubungan sesama makmum. Jika diteliti pengajaran di sebaliknya, ia adalah asas kehidupan bermasyarakat iaitu hubungan antara rakyat dan pemimpin serta sesama rakyat yang sepatutnya diterjemahkan ke dalam kehidupan di luar solat.

Imam adalah jelmaan seorang pemimpin sempurna. Sesiapa yang mahu menjadi imam, terlebih dahulu mesti mencukupkan syaratnya. Bahkan imam dipilih daripada individu yang paling baik dalam kalangan jemaah solat dari segi bacaan al-Quran, pengetahuan al-Sunnah dan juga sudut umurnya. Imam akan memimpin solat sehingga tamat dengan wajib diikuti setiap gerak gerinya oleh semua makmum.

Bagaimana taat makmum dalam solat mengikuti setiap pergerakan imam, begitulah seorang Muslim harus walak kepada pemimpin Islam. Walak bermaksud kepatuhan, kasih dan setia dengan ikhlas kepada perjuangan Islam kerana Allah *Subhanahu wata 'ala*. Adapun taat pula bererti kepatuhan mengikut perintah sahaja. Maka ketaatan menjadi sebahagian daripada sifat walak yang mesti dikukuhkan dengan kasih, setia dan ikhlas yang tidak berbelah bahagi bagi mencapai tujuan walak. Selagimana pemimpin itu tidak derhaka kepada Allah *Subhanahu wata 'ala*, wajib menyandarkan walak dan taat. Jika sebaliknya, maka tidak diharuskan kepada orang beriman memberi walak dan ketaatan, bahkan Islam mewajibkan umatnya supaya menentang kemungkaran dan kezaliman.

## Kepimpinan Menurut Islam

Kepimpinan merupakan sesuatu amanah yang wajib dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, manakala pemimpin pula adalah bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga apa yang diamanahkan kepadanya. Antara yang perlu dijaga oleh seseorang pemimpin ialah menjaga dirinya daripada melakukan perbuatan mungkar, menunaikan kewajipan syarak dan tugas-tugas yang dipikulkan kepadanya dengan baik dan adil. Kepimpinan Islam adalah amanah ketuhanan yang merangkumi urusan dunia-ukhrawi dengan dwiperanan utama iaitu memelihara agama dan mengurus dunia (Risda, 2009). Konsep kepimpinan Islam telah dirumuskan seperti berikut:

1. Berteraskan konsep khalifah di mana setiap manusia adalah pemimpin yang bertanggungjawab memimpin diri, keluarga dan individu yang tertakluk di bawah jagaannya.
2. Kepimpinan dihubungkan dengan tugas menegakkan amar ma'ruf nahi mungkar yang merangkum semua perkara yang dituntut dan diharuskan oleh syarak iaitu meliputi persoalan akidah, syariah, akhlak yang membawa manusia kepada kesejahteraan kehidupan sekaligus mencegah setiap yang buruk, keji dan mungkar.
3. Kepimpinan Islam digerakkan oleh ilmu, iman dan amal yang berteraskan keikhlasan dalam setiap tindak tanduk yang diambil, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial,

politik, kebijakan dan lain-lain. Tiada istilah matlamat menghalalkan cara dalam kepimpinan Islam.

4. Kepimpinan bukan sesuatu yang dijadikan bahan rebutan. Malah bukan untuk dirayu atau menawarkan diri untuk menjawat sesuatu jawatan. Ia bukan suatu profesion dan tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum, ras, bangsa atau keturunan.
5. Melantik pemimpin adalah satu kewajipan umat Islam. Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* menyebut secara mafhumnya: "(Walaupun) Jika kamu hanya bertiga, maka lantiklah salah seorang menjadi ketua." (Sunan Abu Dawud, 2708)
6. Kepimpinan dalam Islam mencakupi urusan dunia dan akhirat. Pemimpin Islam perlu insaf dan menyedari bahawa setiap tanggungjawab akan dipersoalkan bukan sahaja di dunia, malah di akhirat.
7. Tiada pemujaan atau taksub terhadap satu-satu pemimpin dan tiada konsep maksum, dalam kepimpinan Islam.
8. Kepimpinan Islam menganjurkan kepatuhan bersyarat. Seseorang tidak perlu patuh, malah wajib ingkar sekiranya pemimpinnya menyeleweng atau melakukan perkara yang melanggar perintah Allah *Subhanahu wata 'ala* seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* yang menyebut secara mafhumnya: "*Tiada ketaatan kepada makhluk dalam perkara maksiat terhadap Khaliq.*"
9. Kepimpinan Islam beroperasi di atas dasar syura. Pemimpin hendaklah mengadakan mesyuarat dengan orang yang dipimpinnya kerana matlamat kepimpinan Islam ialah untuk memastikan kewujudan dan keberlangsungan jemaah atau umat Islam pada setiap masa.
10. Pemimpin yang dipilih mesti menepati kriteria atau berkelayakan untuk menjawat jawatan atau tugas yang akan dilaksanakan dari segi tanggungjawab dan kemahiran. Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* pernah menolak permintaan Abu Dhar al-Ghiffari yang menawarkan diri untuk menyandang satu jawatan menerusi sabdanya yang menyebut secara mafhumnya: "Kamu seorang yang lemah, sedangkan tugas ini adalah satu amanah, beban dan menjadi satu penyesalan pada hari Kiamat kelak, kecuali bagi orang yang mengambilnya secara hak dan menunaikan tanggungjawab yang terpikul di bahunya". (Sahih Muslim, 4823)

### **Walak Terhadap Kepimpinan Islam**

Pengertian al-Walak dari sudut bahasa berasal daripada perkataan **ولى** - يلى - وليا ولاية ولاء yang membawa maksud dekat, kasih, mengikut, memberi pertolongan, memberi perlindungan dan sebagainya (Ibn Manzur, 1984).

Pengertian al-Walak dari sudut istilah, pula kebiasaannya ditakrifkan sebagai meletakkan kecintaan yang sebenar serta kesetiaan dan penghormatan yang tinggi kepada pimpinan yang disertakan dengan sokongan dan bantuan sama ada berbentuk nyata atau tidak. Secara tepatnya kalimah *walak* terangkum di dalamnya beberapa pengertian iaitu:

- Memberikan kasih-sayang
- Memberikan taat-setia yang tidak berbelah-bagi
- Mengangkat sebagai pemimpin
- Menghormati
- Menjadikannya sebagai teman rapat atau sekutu
- Memberi kepercayaan

- Tempat mencerahkan bantuan dan pertolongan

Dalam hal ini, walak merupakan asas terpenting dalam satu-satu jemaah Islam. Setiap orang yang berada di dalam jemaah tersebut mestilah memberikan walak tidak berbelah bagi terhadap pimpinan. Tanpa walak, jemaah akan hancur dan mudah diperkotak-katikkan oleh pihak musuh yang akan mengakibatkan matlamat untuk menegakkan agama Allah *Subhanahu wata 'ala* tinggal angan-angan sahaja. Saidina 'Umar al-Khattab *Radiyallahu 'anhu* pernah menyatakan:

لَا إِسْلَامُ بِلَا جَمَاعَةٍ وَلَا جَمَاعَةٌ بِلَا أَمِيرٍ وَلَا أَمِيرٌ بِلَا طَاعَةٍ

Terjemahan: “*Tiada Islam tanpa jema'ah, tiada jema'ah tanpa pemimpin, tiada pemimpin tanpa ketaatan.*” (Sunan al-Darimi, 251)

Islam mewajibkan penganutnya memberikan walak, ketaatan dan kesetiaan yang sepenuhnya kepada pimpinan dan haram sama sekali menderhaka atau enggan menurut perintah. Perkara ini dijelaskan Allah *Subhanahu wata 'ala* dalam firman-Nya yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اطِّعُوا اللَّهَ وَاطِّعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَنْكُمْ مُّنْكَرٌ

Terjemahan: “*Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil Amri dalam kalangan kamu.*” (al-Nisa': 59)

Perlu ditegaskan di sini walaupun walak merupakan suatu perkara yang sangat ditekankan oleh Islam. Namun, walak kepada pimpinan bukan berbentuk mutlak seperti walak yang diberikan kepada Allah *Subhanahu wata 'ala* dan Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam*. Terlebih dahulu, ia perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Pemimpin tersebut hendaklah menjalankan syariat Islam.
2. Pemimpin tersebut memerintah dengan penuh adil dan saksama bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah.
3. Pemimpin tersebut sentiasa menyuruh rakyatnya melakukan kebaikan dan melarang mereka daripada melakukan maksiat.

## **Solat Berjemaah dan Kepimpinan**

Solat adalah asas dan tiang agama dalam Islam. Solat merupakan rukun Islam kedua sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

عَنْ أَبْنَى عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: يُبَيِّنُ الْإِسْلَامُ عَلَى حُمْسٍ، شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ، وَالْحُجَّةِ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Terjemahan: *Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar Radiyallahu 'anhuma berkata: Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wasallam bersabda: "Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima dasar (rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan solat,*

*memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah.” (Sahih al-Bukhari, 8)*

Merujuk kepada huraian Ibn Hajar al-'Asqalani (2010), hadith disebutkan menunjukkan bahawa iman itu bermula dengan *al-Tasdiq bi al-Qalb* (keyakinan), *al-Tasdiq bi al-Lisan* (mengucap dua kalimah syahadah) dan kemudiannya '*amal bi al-Jawarih aw bi al-Arkan* (beramal dengan anggota) seperti solat, zakat, puasa dan haji. Daripada itu, jika dilihat dalam turutan amalan-amalan Islam yang disebut sebagai '*amal bi al-Jawarih aw bi al-Arkan*, maka solat adalah ibadah yang paling utama dan menjadi asas dalam Islam.

Oleh yang demikian, kewajipan solat ini merupakan perintah Allah *Subhanahu wata'ala* yang penting dan mempunyai kesan positif kepada perjalanan hidup manusia. Bagi mencapai darjah mukmin, hendaklah didirikan solat dengan sempurna di samping mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wata'ala* dan bertaqwah kepadanya. Hasil daripada mengerjakan solat, dapat memelihara manusia daripada melakukan perbuatan keji, mungkar dan maksiat (Surah al Ankabut: 45).

Secara etimologi, jemaah dertiakan sebagai satu perhimpunan yang tidak terhad kepada manusia, boleh jadi kepada tumbuhan dan juga haiwan (Ibn Manzur, 1994). Menurut epistemologi syarak, solat berjemaah pula ialah mewujudkan satu ikatan solat dan pertalian di antara imam dan maknum (al-Zuhayli, 1985). Terdapat pandangan lain yang mendefinisikan solat berjemaah sebagai solat beramai-ramai yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang iaitu seorang imam dan seorang maknum. Semakin ramai bilangan maknum, maka akan semakin besar pula fadhilat pahalanya (al-Syarbini, 1997). Menurut al-Zuhayli (1985), solat jemaah boleh dilakukan oleh dua orang atau lebih tanpa khilaf dalam kalangan ulama. Imam al-Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan bahawa Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* bersabda secara mafhumnya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْقَدْرِ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرْجَةً

Terjemahan: *Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar Radiyallahu 'anhuma: Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wasallam bersabda: “Solat berjemaah itu lebih afdal (baik) daripada solat bersendirian dengan 27 kali darjah.”* (Sahih al-Bukhari, 645)

Solat yang dikerjakan secara sendirian tanpa berjemaah pada dasarnya adalah sah asalkan dikerjakan dengan memenuhi syarat-syarat dan menyempurnakan segala rukunnya. Akan tetapi perlu diingat bahawa solat fardhu amat digalakkkan supaya dikerjakan secara berjemaah, lebih-lebih lagi bagi orang-orang yang tinggal berhampiran dengan masjid. Ini amat jelas sekali dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Daraqutni sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alayhi Wasallam* secara mafhumnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: لَا صَلَاةَ لِخَارِجِ الْمَسْجِدِ إِلَّا فِي الْمَسْجِدِ

Terjemahan: *Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'Alayhi Wasallam bersabda: “Tidak sempurna solat bagi orang-orang yang berjiran dengan masjid melainkan di masjid.”* (Mustadrak Al-Hakim, 1/246. Hadith daif menurut ulama. Hadith ini masyhur disandarkan kepada Saidina 'Ali)

Berbalik kepada isu utama, solat berjemaah terdiri daripada seorang imam dan sekurang-kurangnya seorang maknum. Solat secara berjemaah sangat dituntut dalam Islam.

Bagi mazhab Shafi'i, hukumnya ialah fardu kifayah, manakala sesetengah pendapat mengatakan solat berjemaah hukumnya sunat muakkad atau sunat yang sangat dituntut dalam Islam. (Al-Nawawi, 1930). Syarat-syarat sah solat berjemaah:

- Berniat mengikut/ menjadi imam.
- Mengetahui segala apa yang dikerjakan oleh imam.
- Tiada dinding yang menghalangi antara imam dan makmum, kecuali bagi makmum perempuan di masjid hendaklah ada pembatas.
- Tidak mendahului imam dalam takbir dan tidak pula melambatkannya.
- Tidak mendahului imam dalam rukun-rukun solat.
- Kedudukan imam ialah di hadapan makmum, sekurang-kurangnya di takat tumit. Makmum tidak boleh berada di hadapan atau sebaris dengan imam.
- Solat makmum harus sama dengan solat imam, misalnya sama-sama solat Fardhu Zuhur, Jumaat, Qasar, Jamak dan sebagainya.
- Makmum lelaki tidak mengikut imam perempuan.

Solat berjemaah sangat dituntut dalam Islam kerana ia dapat menzahirkan syiar Islam dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan Muslimin. Perkara inilah yang perlu dihidupkan dalam kehidupan seharian selaku insan bergelar Muslim. Antara hikmah lain solat berjemaah adalah:

- Menanamkan sifat taat dan hormat kepada pemimpin yang jujur dan amanah.
- Apabila imam melakukan kesilapan, makmum berhak mengingatkan.
- Solat berjemaah dapat mendidik disiplin diri.
- Menanamkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain.

### **Solat Berjemaah Manifestasi Amalan Kepimpinan dan Walak**

Melihatkan hikmah dan praktikaliti solat berjemaah, dapat dihubungkan bahawa ia sangat berkait rapat dengan elemen-elemen kepimpinan, maka terdapat beberapa tafsiran yang boleh diambil pengajaran:

**Pertama:** Solat berjemaah dilaksanakan pada awal waktu, selepas muazzin mengumandangkan azan dan iqamah. Hal ini mendidik pemimpin dan pimpinannya untuk menepati waktu dan disiplin diri melaksanakan solat bersama-sama di awal waktu. Dengan perhimpunan umat Islam pada sesi solat jemaah tersebut, ini menggambarkan solidariti dan ukhwah Islamiyah antara umat Islam demi agama di bawah pimpinan satu imam. Dalam erti kata lain, solat berjemaah dapat membentuk sebuah benteng yang kuat untuk melawan keburukan.

**Kedua:** Dalam pemilihan imam solat, digalakkan memilih imam yang lebih tinggi ilmu agamanya, faqih, dan fasih dalam bacaan Al-Quran. Di samping itu, makmum lelaki tidak boleh memilih imam wanita. Tiada syarat umur, etnik, maruah, tahap kekayaan, warna kulit, kasta dan lain-lain. Dalam pemerintahan negara, kita juga harus memilih orang yang lebih berpengetahuan dan menguasai sains politik atau *siyasah syar'iyyah*. Ia tidak terhad kepada orang tua atau dewasa, bahkan golongan muda boleh menjadi pemimpin selagimana ia memenuhi keperluan utama yang disebutkan. Manakala syarat-syarat walak pula adalah pemimpin tersebut hendaklah menjalankan syariat Islam, memerintah dengan adil dan saksama bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah, sentiasa menyuruh rakyatnya melakukan kebaikan dan mlarang daripada melakukan maksiat.

**Ketiga:** Sebelum memulakan solat berjemaah, imam dan makmum mesti mempunyai persetujuan yang sama tentang bilangan rakaat yang perlu dilakukan. Solat rawatib atau solat fardhu sudah tetap bilangannya, maka persetujuan ini perlu dilakukan sebelum solat sunat seperti solat tarawih. Penyatuan ini penting kerana ianya adalah niat sebelum memulakan solat, dan niat adalah salah satu rukun solat. Niat ini tidak boleh diubah apabila solat sedang dijalankan. Sebagai contoh, makmum yang ingin solat dua rakaat sahaja tidak boleh mempertikaikan imam yang solat empat rakaat mengikut niat asal yang telah dipersejui bersama. Begitu juga dalam pemerintahan negara, persetujuan perlu dibuat terlebih dahulu antara pemimpin dan yang dipimpin mengenai tempoh kepimpinan. Ia boleh dipersejui untuk menjadi empat tahun, lima tahun atau sepuluh tahun. Dalam tempoh kepimpinan, rakyat tidak boleh menjatuhkan kepimpinan sekiranya masih dalam tempoh jawatan. Dalam istilah politik, ia sering dirujuk sebagai rampasan kuasa atau menjatuhkan kerajaan melalui pintu belakang.

**Keempat:** Imam sentiasa memberitahu makmumnya untuk membuat barisan saf dengan kemas dan lurus. Merapatkan saf dan barisan merupakan perkara yang wajib, kerana ia mempengaruhi kesempurnaan solat. Hal ini menggambarkan satu kesatuan yang mengingatkan perbezaan adalah hak individu, akan tetapi bersatu itu merupakan hak bermasyarakat. Jika semua lapisan dan baris makmum saling merapatkan barisan demi mencapai satu visi, maka ia mendidik ketumbukan yang saling menyokong dalam penyelesaian masalah dengan lebih harmoni, tanpa perbalahan.

**Kelima:** Apabila solat bermula, kawalan mutlak berada di bawah imam. Dalam hal ini, semua makmum harus mengikuti semua yang diperintahkan imam ketika dalam solat. Demikian juga dalam hal kepimpinan, yang dipimpin perlu patuh dan tidak boleh membangkang perintah pemimpin selagimana atas landasan yang diharuskan syarak. Jika sebaliknya, maka sistem kepimpinan akan musnah dan terganggu akibat perbezaan pandangan pemimpin dan yang dipimpin.

**Keenam:** Walaupun begitu, imam harus melihat keadaan kesesuaian jemaahnya sebelum memutuskan sama ada membaca surah yang panjang atau sebaliknya semasa solat. Oleh sebab itu, antara syarat menjadi imam mestilah disukai oleh makmum. Pendek kata, para imam perlu meraikan para jemaah, iaitu jika majoriti jemaah itu golongan bekerja maka elakkan membaca surah yang terlalu panjang semasa solat subuh pada hari bekerja. Demikian juga jika ramai jemaah golongan tua, maka imam hendaklah memilih surah yang sederhana panjangnya supaya tidak memudaratkan jemaah berkenaan. Makmum pula hendaklah mengikuti setiap pergerakan dan bacaan yang dilakukan oleh imam. Pergerakan makmum tidak boleh mendahului imam dan mesti sentiasa harmoni. Dalam politik, pemimpin mesti memberitahu rakyatnya untuk sentiasa mengikut undang-undang, tidak melakukan kesalahan dan sentiasa mentaati pemimpin. Dalam memimpin, pemimpin boleh memilih cara yang dianggapnya dapat memajukan negara dan sesuai dengan keadaan rakyatnya. Ia boleh dengan cara yang cepat dan berat atau perlahan selagimana bersesuaian dengan keadaan rakyat.

**Ketujuh:** Bacaan takbir atau membaca surah al-Fatihah dan surah-surah pendek mesti dibaca secara jelas oleh imam agar makmum di barisan belakang boleh mendengar. Ini menunjukkan elemen komunikasi berkesan, di mana sesebuah organisasi tanpa komunikasi yang baik akan menimbulkan kepincangan antara pemimpin dan pimpinannya.

**Kelapan:** Sekiranya imam melakukan sesuatu kesilapan dalam solatnya, makmum mesti menegur dan memperingatkannya dengan menyebut "Subhanallah". Para imam juga perlu segera muhasabah diri apabila ditegur dengan perkataan Subhanallah oleh makmum dalam solat. Hal ini kerana sudah tentu ada perkara yang tidak kena. Begitu juga dalam konsep pemerintahan. Pemimpin wajib dipatuhi selagimana tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kepatuhan makmum kepada imam dalam solat bukanlah kepatuhan yang membuta-tuli. Seandainya imam terlupa atau melakukan kesilapan bacaan ayat

al-Quran dalam solat, makmum mempunyai hak untuk memperingatkannya. Sekiranya imam terlebih rakaat solat, makmum yang menyedarinya tidak perlu menuruti perkara itu, tetapi boleh berhenti sejenak dan memperingatkannya. Seseorang pemimpin juga harus menerima teguran daripada yang dipimpinnya dengan berlapang dada kerana tidak semua yang diperintahkan dan dijalankan oleh pemimpin itu adalah benar.

**Kesembilan:** Jika imam *mufaraqah* ketika masih dalam solat, misalnya imam terbatal wuduknya semasa masih solat. Orang di belakang imam mesti bergerak ke hadapan dan menggantikan imam untuk meneruskan solat sehingga akhir salam. Begitu juga dalam pentadbiran kerajaan, apabila jawatan pemimpin itu dilepaskan atau terlucut, maka kedudukan di bawahnya mesti meneruskan pelaksanaan urusan kepimpinan sehingga akhir tempoh. Walaupun dalam tempoh kritikal di mana pemimpin tidak dapat menjalankan kepimpinannya, bukan kerana wuduk terbatal, bahkan mati secara tiba-tiba, sistem jemaah masih perlu diteruskan. Sebagai contoh apabila ‘Umar Ibn al-Khattab *Radiyallahu ‘anhu* yang sedang memimpin solat berjemaah ditikam oleh seorang munafik bernama Abu Lu’luah yang mengakibatkan beliau jatuh, solat berjemaah tetap diteruskan oleh ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Awf *Radiyallahu ‘anhu* yang segera maju ke hadapan bagi menggantikan imam.

## Kesimpulan

Jika dilihat dari solat berjemaah, jelas kelihatan konsep kepimpinan sudah sedia ditonjolkan dalam pelaksanaan solat lima kali sehari. Imam dalam solat memerlukan seorang yang mampu memimpin makmum dan mempunyai kelebihan dan keistimewaan, baik dari sudut akhlak, kelakuan dan tutur katanya tiada yang diragukan (Aerisuli Awang, 2011). Apabila imam mengetuai solat berjemaah, makmum mesti mengikutinya dalam semua gerak gerinya. Sekiranya ia menyalahi hukum, makmum wajib mengingatkannya dan memperbetulkan kesalahannya. Sekiranya imam enggan memperbetulkan kesalahannya yang jelas ketara dalam solat, seperti meninggalkan rukun, sama ada secara terlupa atau jahil, maka makmum tidak wajib mematuhi atau mengikutnya lagi. Oleh itu imam baru perlu dicari ganti.

Konsep kepimpinan yang ditunjukkan contohnya dalam solat ini memberikan suatu gambaran bahawa dalam Islam pemimpin hanya seorang sahaja. Pemimpin itu pula tidak bebas melakukan apa sahaja dalam kepimpinannya, malah ia hendaklah patuh kepada hukum-hukum Allah *Subhanahu wata ‘ala*.

Kewajipan utama pemimpin adalah membawa pengikutnya kepada keselamatan dan kesejahteraan menerusi rahmat Allah *Subhanahu wata ‘ala* seperti dalam solat. Imam memimpin makmum daripada “*Allah Akbar*” menuju kepada salam yang bermaksud: “*Kesejahteraan ke atas kamu dan kerahmatan daripada Allah Subhanahu wata ‘ala*” (Basiron, 2021). Manakala kewajipan memberi walak kepada pimpinan di dalam saf perjuangan Islam pula amat penting dan sekaligus ianya merupakan neraca untuk menentukan masa depan gerakan Islam itu sendiri. Allah *Subhanahu wata ‘ala* memerintahkan manusia supaya mentaati pemimpin dan sekaligus memberikan walak dan ketaatan kepadanya.

## Bibliografi

- Abu `Urwah, (1988), *Risalah Usrah* (Jilid 3), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abu al-Fadl Ahmad Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn Hajar al-'Asqalani, (2010), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Imam Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari*, Riyad, Fahrasah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniah Athna' al-Nashr.
- Abu Zakaria Muhy al-Din Yahya Ibn Sharf al-Nawawi, (1930), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim*, Mesir: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Aerisuli Awang. (2011). *Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*. Disertasi Ijazah Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ahmad Syafi'i Khatib (2005). *Hikmah Sembahyang*. Selangor: Jasmin Enterprise.
- Al-Fairuz Abadi, *Al-Qamus al-Muhit*, 4: 294.
- Basiron, Bushrah; Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Talhah. (2021). *Pembinaan Individu Berdasarkan Falsafah Rukun Islam*. Jurnal Dunia Pengurusan, 3 (2), 37-46.
- Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, I. (2016). *Ikhtilaf Hukum Solat Fardu Berjemaah Menurut Mazhab Syafie: Satu Sorotan Kajian*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 3(1).
- Chamil Wariya, Ciri-ciri Kepimpinan, *Utusan Malaysia*, 26 Ogos 1993.
- Ghazali Basri, Islam dan Kepimpinan, *Utusan Malaysia*, 1993.
- Harun Din. (1984). *Konsep dan Falsafah Rukun Islam*. Himpunan Kertas Kerja Kursus Dakwah dan Kepimpinan bagi Guru-Guru. Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Hasna Bidin, April (2016). *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*.
- Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 3: 985–986.
- Ismail Kamus, (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Muhammad Fahmi Rusli. (2018). *Al Kafi: Hukum Hadir Lewat Solat Sedangkan Rumah Dekat Masjid*.
- Omar Abdul, (2021) *Pemimpin Dan Kepimpinan Menurut Perspektif Islam*. [https://www.academia.edu/6634418/Pemimpin\\_Dan\\_Kepimpinan\\_Menurut\\_Perspektif\\_Islam](https://www.academia.edu/6634418/Pemimpin_Dan_Kepimpinan_Menurut_Perspektif_Islam)
- Risda, (2009), *Konsep Kepimpinan Dalam Islam*, Bil 22/2009.
- Shams al-Din Muhammad Ibn al-Khatib al-Sharbini, (1997), *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Beirut-Lubnan: Dar al-Ma'rifah.
- Wahbah al-Zuhayli, (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.